

Isnin, Mac 05 2018

LHDN kesan pengusaha tak bayar cukai perniagaan

BH 4/3

Kuala Lumpur: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menggiatkan usaha mengesan pemilik rumah penginapan atau homestay termasuk yang diuruskan warga asing yang mengelak membayar cukai pendapatan perniagaan sehingga menyebabkan kerugian kepada negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Sabin Samitah, berkata Kunjungan Mesra Hasil (KMH) akan terus dipergiatkan ke rumah penginapan dan homestay, selain bekerjasama dengan agensi lain serta orang ramai untuk mendapatkan maklumat.

"LHDN menyedari ada pengusaha homestay dan rumah penginapan masih belum mengisytiharkan cukai pendapatan. Kita minta mereka supaya melunaskan tanggungjawab terbabit," katanya kepada BH di sini.

Disyaki tak daftar perniagaan



LHDN
menyedari ada
pengusaha
homestay dan
rumah
penginapan
masih belum

Semalam, *BH Bongkar* melaporkan warga Bangladesh yang sebelum ini lebih ramai bekerja atau 'mengusahakan perniagaan' dalam sektor perkhidmatan seperti restoran atau cuci kenderaan, dilihat menceburi pula bisnes rumah penginapan atau homestay mewah, terutama di bandar besar.

Apa yang mencurigakan, mereka disyaki tidak mendaftarkan perniagaan itu dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atau membayar warga tempatan untuk menjadi 'proksi' syarikat yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Walaupun mendaftar dengan SSM, mereka mudah memanipulasi pendapatan hasil perniagaan berkenaan kerana berurusan secara tunai dan bakal penyewa tidak perlu membuat pembayaran pendahuluan secara dalam talian.

Tinjauan *BH* di sekitar ibu negara mendapati warga asing terbabit disyaki mengurus puluhan unit kediaman seperti suite, pangsapuri dan kondominium, dipercayai menjana keuntungan bulanan mencecah puluhan ribu ringgit, namun tidak membayar cukai pendapatan perniagaan kepada LHDN.

mengisytiharkan
cukai
pendapatan”

Sabin Samitah,
*Ketua Pegawai
Eksekutif LHDN*